



I ♥ PERDA

BULETIN AKRAB PERDA

Edisi 2019

Edisi : Jan –Disember

AKTIVITI AKRAB (2019)

VISI

“Menjadikan AKRAB Sebagai Penggerak Pembangunan Modan Insan Dalam Pengurusan Sumber Manusia”.

MISI

Menyediakan Perkhidmatan Membimbing Bagi Membantu Rakan Sekerja Meningkatkan Potensi Dan Kecemerlangan Diri.

PERTANDINGAN MEWARNA SEMPENA HARI PELANCARAN PENJUALAN RUMAH TAMAN

SG BAKAP PERDANA SPS

AKRAB PERDA telah menganjurkan pertandingan mewarna sempena Hari Pelancaran Penjualan Rumah Taman Sg Bakap Perdana.

Seramai 50 orang kanak-kanak telah menyertai pertandingan mewarna tersebut.



LAWATAN PENANDA ARAS KE JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR (JAKES) SHAH ALAM

Satu Lawatan Penanda Aras ke JAKES Shah Alam telah diadakan pada 5 Julai 2019 yang bertujuan untuk melihat dan mendapatkan ilmu dan pengetahuan bagaimana pihak JAKES melaksanakan program AKRAB dan mengendalikan kes-kes berkaitan isu dan masalah staf dan jugs majikan.



TAHNAH KEPADA AHLI AKRAB YANG MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

SELAMAT MENUNAIKAN FARDHU HAJI KEPADA Pengerusi AKRAB PERDA



LAWATAN PENANDA ARAS KE PKNS SHAH ALAM

Satu Lawatan Penanda Aras ke PKNS Shah Alam telah diadakan pada 5 Julai 2019 yang bertujuan untuk melihat dan mendapatkan ilmu dan pengetahuan bagaimana pihak PKNS melaksanakan program AKRAB dan mengendalikan kes-kes berkaitan isu dan masalah staf.



AKRAB UNITED

AKRAB UNITED telah diadakan pada 4 dan 5 Julai 2019 bertempat di Apartment Putrajaya.

Program ini merupakan program untuk merapatkan lagi silaturrahim antara ahli-ahli AKRAB PERDA.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah gotong royong memasak dan makan bersama-sama.



AKRAB RUN DAN FUN

AKRAB PERDA telah menyertai AKRAB Run dan Fun Walk Putrajaya 2019 anjuran Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK) yang telah diadakan pada 6 Julai 2019 di Dataran Monumen Alaf Baru Putrajaya.



HARI PSIKOLOGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR (KPLB)

Hari Psikologi KPLB telah diadakan pada 16 hingga 17 Oktober 2019 bertempat di Dewan Lestari KPLB yang bertemakan “Keluarga Bahagia Hidup Sejahtera”

Sempena dengan Hari Psikologi tersebut satu Pameran AKRAB diadakan di ruang legar Dewan Lestari yang disertai oleh agensi-agensi di bawah KPLB.

PERDA telah Berjaya mendapat Naib Johan bagi pameran tersebut walaupun pertama kali menyertainya.



BENGGEL PELAN STRATEGIK AKRAB PERDA

Bengkel Pelan Strategik AKRAB PERDA telah diadakan pada 9 Mei 2019 yang bertujuan untuk mengemaskini dan menyediakan Pelan Strategik sesuai dengan perletakan PERDA di bawah KPLB.



PENYERTAAN AKRAB DALAM PROGRAM PERDA DAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN KAKITANGAN PERDA

AKRAB PERDA tidak ketinggalan menyertai Perarakan Hari Kemerdekaan Ke 62 tahun dan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang. Selain itu, AKRAB juga telah menyertai pertandingan boling yang dianjurkan oleh Kelab Sukan Dan Kebajikan Kakitangan PERDA.



SIDANG REDAKSI

I ❤️ PERDA

Prihatin
Empati
Responsif
Dedikasi
Amanah

AKRAB
PRIHATIN

KATA-KATA HIKMAH

MELAKUKAN KESALAHAN adalah biasa
dan manusiawi

MENGETAHUI KESALAHAN adalah
manusia cerdas

MENGAKUI KESALAHAN adalah manusia
berani

MEMPERBAIKI KESALAHAN adalah
manusia bijaksana

MESYUARAT PENYELARASAN AKTIVITI AKRAB KPLB DI PERDA

Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti AKRAB KPLB Bilangan 3/2019 pada 27 November 2019 telah diadakan di PERDA.

Sempena dengan mesyuarat tersebut satu program Integrasi Sosial diadakan di kawasan Agro-Tourism Tasek Gelugor.

Seramai 3 keluarga miskin telah mendapat bantuan bakul makanan dan wang tunai yang bertujuan untuk meringankan beban mereka.

Di samping itu ahli mesyuarat dibawa menaiki bot (river cruise) untuk menikmati alam semulajadi dan kehidupan kampung serta menikmati makanan tradisional.



AKRAB PERDA

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

NO 1 LORONG KG GAJAH 2 JALAN KG GAJAH

12200 BUTTERWORTH

TEL : 04 3141100

FAKS : 04 3321676

www.perda.gov.my